



PERUTUSAN Pengerusi
(MESYUARAT JKTNg Bil. 6/2012 PADA 29 JUN 2012)

1. MAKLUMAN PERSARAAN KETUA JABATAN

Y.H. Dato' Abdull Muain bin Abd. Hamid, Pegawai Daerah Temerloh telah bersara pilihan berkuatkuasa 31 Mei 2012.

2. PERLANTIKAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA YANG BARU

Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Datuk Seri Dr. Ali bin Hamsa telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara yang baru berkuatkuasa mulai 24 Jun 2012 menggantikan YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan.

3. KEPUTUSAN MESYUARAT JEMAAH MENTERI PADA 23 MEI 2012: MENYEMARAK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

[a] Walaupun pelbagai inisiatif dan program pembangunan luar bandar dilaksanakan oleh pihak Kerajaan selama ini, namun **kemudahan infrastruktur seperti bekalan**

air, akses jalan berturap dan lain-lain masih jauh ketinggalan berbanding di kawasan bandar. Ini menunjukkan wujudnya ketidakseimbangan pembangunan antara luar bandar dan bandar;

- [b] Sehubungan itu, **tumpuan yang lebih perlu diberikan kepada projek-projek infrastruktur di luar bandar di dalam Belanjawan 2013.** Selain daripada pertambahan peruntukan, pelaksanaan sesuatu projek di kawasan luar bandar juga perlulah diperhalusi agar ianya bersifat *value for money*, berkualiti dan berdasarkan keutamaan keperluan yang memberi impak kepada penduduk setempat.

4. PELAKSANAAN PROJEK YANG DILULUSKAN SEMPENA LAWATAN KERJA DAN *WALKABOUT* YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI KE NEGERI PAHANG

- [a] Saya ingin memaklumkan bahawa YAB Timbalan Perdana Menteri telah melakukan Lawatan Kerja Ke Negeri Pahang sebanyak 3 kali iaitu pada 14 Mei 2011, 16 Februari 2012 dan yang terkini pada 21 Jun 2012. Sempena lawatan kerja ini, YAB Timbalan Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan di bawah peruntukan khas ICU JPM bagi melaksanakan projek pembangunan seperti berikut:

14 Mei 2011 : RM5,150,000.00 melibatkan 4 projek

16 Februari 2012 : RM19,800,000.00 melibatkan 10 projek (setelah diselaraskan, menjadi 80 projek)

[b] Daripada keseluruhan projek yang diluluskan ini, masih terdapat projek yang telah dikeluarkan surat kuasa pada tahun 2011 tetapi masih berstatus belum mula dan juga dalam proses perolehan. Sebagai contoh, Projek Membina Baru Masjid Kg. Sg .Ular, Kuantan yang mengambil masa yang lama untuk ditender. Perkara ini menimbulkan ketidakpuasan hati pihak Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri yang menyatakan bahawa semua projek yang diluluskan sempena Lawatan Kerja dan *Walkabout* perlu dilaksanakan dengan kadar segera. Kelewatan pelaksanaan projek-projek yang diumumkan semasa Lawatan Kerja YAB Timbalan Perdana Menteri akan dijadikan isu oleh pihak-pihak tertentu sebagai janji yang tidak ditepati dan memberikan impak negatif sehinggalah projek tersebut dilaksanakan.

[c] Sehubungan dengan ini, saya ingin meminta semua Agensi Pelaksana supaya dapat memberikan keutamaan serta dicadangkan supaya perolehan secara *fast track*

mengikut peraturan sedia ada dan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek khas yang diluluskan dan diumumkan sempena Lawatan Kerja YAB Timbalan Perdana Menteri.

4. HRMIS SEBAGAI *KEY PERFORMANCE INDICATOR* (KPI) BAGI KETUA JABATAN

Bagi tahun 2012 ini, Jawatankuasa Pemandu HRMIS Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah memutuskan KPI untuk Ketua Jabatan dan Agensi Awam melibatkan enam (6) modul iaitu;

1. Data perjawatan
2. Rekod peribadi
3. Profil perkhidmatan
4. Sasaran Kerja Tahunan (SKT)
5. Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)
6. Pengisytiharan Harta

Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan dan Agensi adalah diminta memberi penumpuan khusus bagi mencapai KPI HRMIS yang telah ditetapkan. Modul terdekat adalah bagi modul Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang akan dinilai pada 31 Julai 2012.

5. PEMBENTANGAN LAPORAN PENILAIAN *OUTCOME* OLEH JABATAN DAN AGENSI

Sejajar dengan kehendak YAB Perdana Menteri yang mahu setiap projek/ program memberi kesan kepada rakyat, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN) Pahang telah meminta jabatan berkenaan membentangkan Laporan Penilaian *Outcome* dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri (JKTNg) dan Majlis Tindakan Negeri (MTNg). Sekiranya, terdapat jabatan yang ingin menukar tajuk, bolehlah merujuk kepada urus setia di PPPN Pahang.

6. PENYERAHAN BIL/ TUNTUTAN OLEH PEMBEKAL/ KONTRAKTOR DALAM TEMPOH 14 HARI KEPADA AGENSI KERAJAAN

Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya satu peringatan diberi kepada pembekal/ kontraktor untuk menyegerakan penyerahan bil/ tuntutan kepada Agensi Kerajaan. Ia bertujuan untuk mengelakkan kelewatan pembayaran oleh pihak Kerajaan dan bayaran menggunakan Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a). Semua Agensi Kerajaan perlu memasukkan peringatan kepada pembekal/ kontraktor sebaik sahaja barangan atau perkhidmatan dibekalkan atau kerja disempurnakan dalam dokumen perolehan Kerajaan Arahan ini berkuatkuasa pada **20 April 2012**.

7. SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN : PEMBATALAN SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 8 TAHUN 2002 – PENGGUNAAN PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN OLEH KUMPULAN IKRAM SDN. BHD.

Jemaah Menteri pada 22 April 2009 telah memutuskan supaya konsesi penswastaaan Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. yang telah berakhir pada 31 Disember 2011 tidak dilanjutkan. Dengan berakhirnya tempoh konsesi ini, agensi Kerajaan **tidak lagi diwajibkan** untuk menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. Arahan ini berkuat kuasa 1 Januari 2012 dan SPP Bil. 8 Tahun 2002 dibatalkan.

8. SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN (SPP) BIL. 4 TAHUN 2012 BERKENAAN TATACARA PEROLEHAN PERKHIDMATAN KEMUDAHAN LATIHAN SECARA PAKEJ

SPP Bil. 4 Tahun 2012 bertarikh 9 Mei 2012 mengenai Tatacara Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej adalah penambaaikan kepada SPP Bil. 5 Tahun 2004. Dengan berkuatkuasanya SPP ini, SPP Bil. 5 Tahun 2004 adalah **dibatalkan.**

9. PENGANUGERAHAN PEMENANG TEMPAT PERTAMA BAGI SISTEM eKASIH OLEH UNITED NATION PUBLIC SERVICE AWARD (UNPSA)

Sistem eKasih yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri telah dianugerahkan sebagai pemenang tempat pertama oleh United

Nation Public Service Award (UNPSA) bagi kategori *Advancing Knowledge Management In Government*. Penganugerahan tersebut telah berlangsung di New York, Amerika Syarikat. Tahniah diucapkan kepada ICU JPM atas penganugerahan ini.

10. LAPORAN PEMBAYARAN BIL KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI BULAN MEI 2012

[a] Prestasi Pembayaran Bil Kerajaan Negeri Pahang pada bulan Mei 2012 yang telah dibayar dalam tempoh 14 hari adalah 99.55% manakala 0.40% (36 bil) dibayar melebihi 14 hari.

[b] Jabatan berkenaan di mana bil-bil yang dibayar melebihi tempoh 14 hari ialah;

i) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	– 16 bil
ii) Jabatan Agama Islam Pahang	– 9 bil
iii) Jabatan Kerja Raya	– 6 bil
iv) Pejabat Tanah Dan Galian Pahang	- 1 bil
v) Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	- 1 bil
vi) Pejabat Daerah Dan Tanah Raub	- 1 bil
vii) Mahkamah Syariah Pahang	- 1 bil
viii) Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	- 1 bil

Untuk makluman;

BIL	JABATAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUMLAH
1.	Jabatan Perhutanan	-	38	2	2	16	58
2.	Jabatan Agama Islam Pahang	-	2	5	1	9	17
3.	Jabatan Kerja Raya	1	2	6	2	6	17
4.	Pejabat Tanah Dan Galian	-	-	-	-	1	1
5.	Pej. Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	2	2	1	1	1	7
6.	Pejabat Daerah Dan Tanah Raub	-	-	-	-	1	1
7.	Mahkamah Syariah Pahang	-	-	-	1	1	2
8.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	-	-	-	1	1	2
9.	Jabatan Pertanian	-	-	1	9	-	10
10.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	-	-	-	5	-	5
11.	Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis	-	-	-	1	-	1
12.	Pejabat KDYMM Sultan	-	2	-	-	-	2
	JUMLAH	3	46	15	23	36	123